

(<https://news.usm.my>).

Berita Mutakhir

05

OCT

AYCF 2016 : FAHAMI NILAI DAN BUDAYA ASEAN



USM, PULAU PINANG, 4 Oktober 2016 – Penganjuran The 14th ASEAN & 4th ASEAN +3 Youth Culture Forum 2016 (AYCF 2016) adalah untuk para pelajar institusi pengajian tinggi lebih memahami nilai dan budaya setiap bangsa dari negara ASEAN.

Menurut Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr. Asma Ismail setiap dari kita perlu untuk bekerjasama dalam memahami dan meneliti setiap budaya sebagai jambatan untuk menyokong agenda keamanan global.

"Kita perlu juga untuk mengetahui impak dan cara bagaimana untuk menilai setiap budaya dan seni," kata Asma yang merasmikan AYCF 2016 dalam satu majlis makan malam sambil menyaksikan pementasan teater Puteri Gunung Ledang yang sungguh memikat hati penonton oleh para pelajar USM.





Dr. Choltis Dhirathiti, Timbalan Pengarah Eksekutif, ASEAN University Network (AUN) pula berkata AYCF yang mula dianjurkan pada tahun 2003 adalah penting kerana program sebegini dapat mentafsirkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam persembahan dan sesi perkongsian ilmu.

"AYCF 2016 adalah penganjuran kali ke-14 dengan penyertaan dari 9 buah negara ASEAN dan juga tiga buah negara luar iaitu Jepun, Korea Selatan dan China dengan peserta lebih 300 orang," tambah Choltis.







Antara negara yang mengambil bahagian adalah Brunei Darussalam, Cambodia, Thailand, Indonesia dan Myanmar.

Bertemakan "ASEAN in Love: Love Through Culture and Arts Towards Unity in ASEAN Community", AYCF 2016 akan menganjurkan pelbagai aktiviti kebudayaan bermula hari 5-7 Oktober ini termasuk bengkel boria, persembahan pelajar Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM), lawatan ke tapak UNESCO di Georgetown dan pameran dari negara-negara yang terlibat.





Turut hadir ialah suami Naib Canselor, Profesor Dr. Ahmad Zakaria; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang juga Pengerusi AYCF 2016 Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal dan isteri; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni) Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein dan Pengarah Pusat Keantarabangsaan Mobiliti dan Kerjaya USM, Dr. Muhizam Mustafa.

Teks: Nor Rafizah Md. Zain / Foto: Mohd Fairus Md. Isa



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015